



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 48/6/17**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**KETUA PAMERAN – (B.2 EB.3 ATAU B.2)
PUSAT SEJARAH
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kermasian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



1. KETUA PAMERAN

PUSAT SEJARAH

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU

B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)

KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGAGAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Graphics / Fine Arts* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

b) **TANGGAGAJI B.2**

i) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang *Graphics / Fine Arts* atau bidang bersesuaian serta telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

ii) Telah berkhidmat di Pusat Sejarah Brunei sebagai Pelukis Tingkat II dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun serta mempunyai pengalaman di bidang Seni Lukis / Grafik.

ATAU

iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun dan mempunyai pengalaman dalam bidang Seni Lukis / Grafik.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA PAMERAN:

1. Mengetuai Unit Grafik dan Reka Bina Pameran.
2. Merancang kerja-kerja pameran khususnya bagi membuat *layout* pameran dan bahan-bahan pameran berkala atau pameran kekal.
3. Membuat kerja-kerja grafik untuk bahan-bahan terbitan pejabat seperti kulit-kulit buku, *poster*, *banner* dan sebagainya.
4. Membuat kerja-kerja yang diarahkan oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei.